



JABATAN PERTANIAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS,  
TINGKAT 3, BLOK D, WISMA NEGERI,  
70503 SEREMBAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.  
Telefon : 06-765 9760 / 765 9767  
Fax : 06-763 7882  
Email : jabpertanian@ns.gov.my



### KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat Bumiputera / Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dibawah pecahan kepala **110201 (Jentera Berat)** bagi menyertai sebut harga berikut:

No. Sebutharga	:	<b>PPNS (LORI LOADER) 09/2021 (N)</b> Membekal Dan Menghantar Satu (1) Unit Lori Pengangkut (Self Loading Vehicle Carrier C/W Loading Ramp, Sliding Body, Jack & Winch) Kapasiti Minimum 7,500 Kg Beserta Kelengkapan Ke Jabatan Pertanian Negeri Sembilan Tahun 2021.
Kod Bidang	:	<b>110201 (Jentera Berat)</b>

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli mulai **21.04.2021 hingga 28.04.2021** di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan, Tkt 3 Blok D, Wisma Negeri, Seremban pada waktu pejabat dengan harga RM 30.00 secara tunai.
3. Kontraktor/Pembekal dikehendaki membawa **sijil asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, dan menyerahkan sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen sebut harga. Wakil syarikat perlu menunjukkan surat wakil rasmi daripada syarikat yang diwakili.
4. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat berlakri dan ditulis disebelah atas kiri sampul **nombor serta nama sebutharga** dan dimasukkan sendiri kedalam peti tawaran di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 3 Blok D, Wisma Negeri, Seremban.
5. Tarikh tutup sebutharga pada **28.04.2021 jam 12.00 tengahari**
6. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran harga terendah atau mana-mana tawaran harga yang lain. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga Jabatan adalah muktamad.